

'Usah percaya ramalan banjir besar'

PUTRAJAYA: Orang ramai dinasihati tidak bimbang dengan ramalan kononnya banjir besar bakal melanda negara terutama di Kelantan, Terengganu dan Pahang tidak lama lagi.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Hidrologi dan Sumber Air, Jabatan Pengairan dan Saliran, Low Koon Sing, berkata banjir besar tidak mungkin berlaku kerana pemerhatian paras air di sungai utama seperti Sungai Kelantan, Sungai Golok, Sungai Pahang dan Sungai Terengganu masih normal atau di bawah tahap waspada.

"Sehingga kini kita tidak mengesan sebarang tanda paras air meningkat mendadak dan mungkin tiada banjir besar berlaku di Pantai Timur dalam tempoh terdekat.

"Lagipun, sejak seminggu lalu hujan tidak begitu lebat di Pantai Timur tetapi cuaca boleh berubah bila-bila masa yang mungkin menyebabkan banjir biasa," katanya dalam sidang akhbar bersama Jawatankuasa Kerja Pengurusan Bencana Banjir dan Bahagian Keselamatan Negara (BKN), di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana BKN, Che Moin Umar berkata, sukar untuk meramalkan banjir besar kerana pelbagai faktor perlu diambil kira terutama paras air sungai, tiupan angin dan taburan hujan.

Bagaimanapun, katanya, semua pihak yang terbabit dalam Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Bencana sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan banjir pada musim tengkujuh tahun ini.